

## **Kebolehpasaran Siswazah di Malaysia: Satu tinjauan di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)**

NURHAFIZAH SURADI  
HAZLIN FALINA ROSLI

Fakulti Pengurusan dan Muamalah  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor  
hazlinfalina@kuis.edu.my

### ***ABSTRAK***

Kebolehpasaran graduan memainkan peranan penting dalam membenarkan keberkesanannya sistem pendidikan di Malaysia. Isu ini telah lama diperdebatkan di kalangan para sarjana dan konsep ini telah mendapat perhatian yang besar dari pentadbir organisasi dan juga ahli akademik. Kajian ini bertujuan untuk memahami dengan lebih mendalam mengenai dimensi kebolehpasaran graduan terutama graduan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) sekaligus memberi kesan kepada organisasi. Tinjauan literatur sebelumnya yang berkaitan dengan kemahiran insaniah (KI), latihan dan pengembangan graduan telah di analisis dalam kajian ini. Kemahiran ini perlu disiap siagakan oleh para graduan dalam menghadapi pekerjaan sebenar. Kertas konsep ini juga menggabungkan sebilangan dimensi kemahiran insaniah yang dapat dikembangkan dan diterapkan dalam kalangan graduan seperti kemahiran berkomunikasi, keberkesanannya diri, kemahiran kepimpinan dan bekerja dalam pasukan serta kemahiran insaniah. Dalam hal ini, adalah keutamaan bagi KUIS untuk melengkapkan graduan dengan kemampuan mengaplikasikan kemahiran, meningkatkan kemahiran komunikasi, efikasi kendiri, kemahiran kepimpinan dan bekerja dalam pasukan dan kemahiran insaniah sehingga graduan mempunyai kemahiran yang diperlukan oleh organisasi untuk meningkatkan kebolehpasaran graduan. Diharapkan kajian ini boleh membantu KUIS dalam memacu graduan yang bakal dilahirkan sesuai dengan kehendak majikan dan organisasi.

*Kata kunci:* *Kebolehpasaran, graduan, KUIS, kemahiran, organisasi*

### **PENGENALAN**

Kecemerlangan akademik merupakan satu pendekatan penting dalam membuktikan pencapaian dan tahap kemahiran pelajar dalam bidangnya. Pencapaian akademik pelajar terutamanya di peringkat Institusi Pengajaran Tinggi (IPT) mahupun sekolah bukan sahaja menjadi petunjuk terhadap keberkesanannya institusi itu, tetapi ianya juga menjadi penentu utama masa depan belia khususnya kepada negara (Dev, 2016). Pencapaian akademik pelajar juga merupakan perkara utama dalam pendidikan. Ia dianggap sebagai pusat di mana keseluruhan sistem pendidikan

berputar. Menurut Abdullah (2006), kecemerlangan akademik merupakan matlamat utama kebanyakan pelajar di IPT.

Di samping itu, ia juga merupakan kayu ukur yang menentukan tahap kejayaan seseorang pelajar di dalam bidang akademik di institusi pengajian tinggi. Selain itu, Narad & Abdullah (2016) juga berpendapat bahawa pencapaian akademik pelajar juga akan menentukan kejayaan mahupun kegagalan sesebuah institusi pendidikan itu. Begitu juga, Farooq (2011), menegaskan bahawa pencapaian akademik pelajar berfungsi sebagai landasan untuk memperoleh pengetahuan serta kemahiran yang berguna kelak. Namun begitu, pencapaian akademik yang mantap tidak menjamin masa depan seseorang graduan dalam mengharungi cabaran persaingan sengit dalam dunia pasaran kerja.

Sesebuah universiti bukan sahaja melahirkan siswazah yang cemerlang dalam ilmu pengetahuan teknikal (Pua, 2014) tetapi juga perlu melahirkan siswazah yang mempunyai ciri-ciri kemahiran insaniah (KI) yang diperlukan oleh negara. Di Malaysia, pembangunan KI dalam kalangan pelajar IPT telah diwajibkan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bermula pada tahun 2006. Sehubungan dengan itu, aktiviti kokurikulum juga dilihat sebagai salah satu medium pembentukan KI di IPT. Pelajar yang cemerlang adalah pelajar yang seimbang antara pencapaian akademik dan sahsiahnya. Aktiviti kokurikulum juga merupakan penglibatan pelajar dalam mana-mana aktiviti di luar dewan kuliah yang mendatangkan hasil kepada perkembangan diri pelajar yang secara tidak langsung memberi pendedahan kepada KI. Selain itu, kokurikulum merupakan satu platform yang boleh membentuk remaja, mengembangkan bakat dan kemahiran insaniah mereka. Ia berpotensi membentuk jati diri pelajar, pembentukan emosi, jasmani dan rohani selaras dengan hasrat Pembangunan Pendidikan di Malaysia.

Menurut laporan *The National Graduate Employability Blueprint 2012-2017* menerangkan bahawa masalah yang paling kerap dikenal pasti oleh majikan terhadap graduan adalah lemah dalam penguasaan Bahasa Inggeris (55.8%), sikap dan personaliti yang lemah (37.4%), meminta gaji/ faedah yang tidak realistik (33%), ketidaksepadanan kemahiran (30.2%), memilih kerja (27.7%), tidak berkemampuan untuk menyelesaikan masalah (25.9%) dan kurang pengetahuan yang mendalam (23.8%). Pengukuran ini adalah merupakan permintaan utama industri *Generic Student Attribute* (GSA) dan hal ini jelas menunjukkan bahawa kemahiran ini kurang didapati dalam kalangan graduan yang baru.

## **KEBOLEHPASARAN GRADUAN**

Isu kebolehpasaran merupakan isu serius dan kritikal dalam kebanyakan negara sekarang termasuk Malaysia. Tambahan pula, cabaran terbesar dalam setiap institusi pendidikan tinggi di Malaysia adalah kepayahan pihak universiti dalam melahirkan para graduan yang menarik perhatian majikan untuk diambil bekerja (Yassin, 2008). Justeru itu, dengan memperluas aktiviti-aktiviti kokurikulum yang melibatkan setiap pelajar ketika di IPT merupakan cara yang terbaik untuk mengembangkan KI dalam diri mereka (Holmes, 2014). Selain itu, Hassan (2010), dalam kajiannya mendapati bahawa ada perkaitan antara pembinaan kecemerlangan diri pimpinan pelajar menerusi penglibatan dalam aktiviti kokurikulum dan terdapat hubungan antara aspek kecemerlangan diri bagi pembinaan sahsiah diri dan kepimpinan dengan aktiviti akademik. Hal ini dapat dilihat menerusi dapatan kajiannya yang menunjukkan responden memberi maklum balas positif terhadap sahsiah diri, kepimpinan dan aktiviti akademik menerusi aktiviti kokurikulum.

Selain itu, menurut Esa (2011), untuk mendepani cabaran dunia pekerjaan sebenar kelak, para graduan haruslah memiliki sekurang-kurangnya empat KI sebagai persediaan diri kelak. Hal ini disokong dalam kajian Azman (2017), yang menyatakan bahawa keempat-empat KI tersebut adalah kemahiran pembelajaran kendiri, kemahiran mengurus, kemahiran komunikasi dan kemahiran kepimpinan. Selain daripada itu, kajian mendapati bahawa suasana di dalam bilik kuliah dan bengkel dapat meningkatkan paras KI seterusnya dapat diaplikasi dalam diri setiap pelajar seperti kemahiran komunikasi, kemahiran kepimpinan, kemahiran membuat keputusan, kemahiran menyelesaikan masalah dan kemahiran berpasukan (Anuar, 2010). Keberkesanannya mengaplikasikan KI dalam diri individu tersebut Nachiappan, (2009) bergantung kepada kesungguhan pelajar dan kepakaran pensyarah.

Sistem pendidikan negara yang bermatlamat melahirkan modal insana minda kelas pertama yang mampu menggunakan ilmu pengetahuan, kreatif dan inovatif (Jabatan Perdana Menteri 2011; Kementerian Pengajian Tinggi 2007; Malaysia 2006). Fasafah pendidikan negara turut menyebut,

*“Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadan untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara” (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006:53).*

Matlamat tersebut selari dengan strategi pembangunan belia yang disarankan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (Malaysia 2016-2020) supaya pendidikan untuk siswazah pada abad ke-21 mampu menyediakan siswazah untuk menghadapi masa hadapan yang dinamik melalui penerapan pengetahuan dan kemahiran yang kritikal, serta memupuk etika dan akhlak, dari peringkat prasekolah hingga pendidikan tinggi. Kementerian Pengajian Tinggi (2007) pula mensasarkan graduan yang ingin dilahirkan bukan sahaja menguasai bidang teknologi maklumat dan komunikasi, tetapi juga mudah dilentur, mudah diubahsuai serta sentiasa meningkatkan pengetahuan dan menambah baik kemahiran.

Mengikut data perangkaan 2020, kadar pengangguran di negara ini melonjak kepada lima peratus iaitu seramai 778,800 orang pada April 2020. Kemudian terdapat penurunan pada bulan Ogos 2020 kekal pada 4.7 peratus. Bilangan penganggur menurun sedikit sebanyak 3.5 ribu orang kepada 741.6 ribu orang. (Jabatan Perangkaan Malaysia). Data ini sebenarnya memberi gambaran bahawa siswazah perlu mempelbagai gunakan kemahiran yang ada untuk Sistem pengajian tinggi kini berorientasikan kerjaya dengan menekan kepada kemahiran insaniah serta pembelajaran sepanjang hayat. Sekali pun menurut Kementerian Pengajian Tinggi (2007) masih wujud persepsi majikan bahawa kualiti graduan universiti luar negara adalah lebih baik berbanding dengan graduan IPT tempatan, persoalan timbul sejauhmanakah graduan universiti tempatan memenuhi kehendak pasaran buruh semasa kini.

Oleh yang demikian, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) merupakan salah sebuah IPT yang bermatlamatkan melahirkan graduan yang berjaya dalam pencapaian akademik dan sahsiah perlu melakukan sesuatu bagi tambah baik. KUIS dilihat merupakan salah satu institusi yang bukan hanya melahirkan pelajar yang mempunyai ilmu dan kemahiran namun turut melahirkan pelajar yang mempunyai sahsiah dan agama yang baik. Secara amnya pencapaian akademik adalah penentu kepada taraf pencapaian individu dalam peringkat pengajian di sekolah

mahupun di IPT (Muhamad Shafiq Mohd Razali & Noraini Abdol Raop, 2018). Menurut mereka, pencapaian akademik pelajar juga sering dilihat dari sudut kebolehan yang terdapat pada pelajar itu. Justeru itu, pencapaian adalah sebagai penyelesaian bagi kecekapan yang diperolehi dalam sesuatu kemahiran atau pengetahuan secara semulajadi.

Sehubungan dengan itu, penilaian pencapaian akademik pelajar juga dinilai melalui markah seorang guru untuk tujuan pendidikan yang telah ditetapkan oleh mereka untuk dicapai dalam jangka masa tertentu (Narad & Abdullah, 2016). Sebilangan besar penyelidik di seluruh dunia juga menggunakan CGPA untuk mengukur pencapaian akademik pelajar. Namun begitu, pengkaji mengukur pencapaian akademik pelajar KUIS melalui kemahiran insaniah oleh kerana ia merupakan salah satu daripada pencapaian yang dimiliki dalam diri pelajar. Sebagaimana yang kita sedia maklum, selain mensasarkan kecemerlangan akademik, keadaan pengajaran dan pembelajaran di IPT juga turut menekankan penguasaan pelajarnya dalam kemahiran insaniah. Ini adalah bagi memastikan setiap graduan bukan sahaja mempunyai pencapaian akademik yang cemerlang, tetapi juga dapat menguasai pelbagai kemahiran yang diperlukan oleh majikan atau industri.

Pada hakikatnya sesebuah institusi yang berkesan bukan sahaja diukur dari segi fungsinya sebagai memberi pendidikan kepada pelajar tetapi ia juga meliputi berbagai aspek yang bertujuan untuk membentuk disiplin sahsiah, kepimpinan dan sebagainya. Namun begitu, Annamalai, Othman & Abdullah (2012) menyatakan kemahiran insaniah juga amat penting dalam pembentukan modal insan yang seimbang dari segi rohani, emosi dan fizikal. Oleh yang demikian, kemahiran insaniah dapat dijelaskan sebagai kemahiran yang terdapat pada diri seseorang secara semula jadi atau dilatih seperti kemahiran interpersonal, komunikasi, menyelesaikan masalah, bekerja dalam kumpuan dan lain-lain.

## KEMAHIRAN INSANIAH

KUIS juga dilihat turut melaksanakan aktiviti kokurikulum kepada para pelajarnya. Ini bertujuan sebagai pelengkap kepada proses membina sahsiah dan kemahiran insaniah pelajar bagi mewujudkan modal insan negara yang berkualiti (Esa, A., Padil, S., & Selamat, A., 2013). Ini turut diakui oleh A Jalil (2012), yang menyatakan bahawa personaliti pemimpin dapat dibentuk dalam diri pelajar dapat ditingkatkan menerusi kegiatan kokurikulum. Tambahan pula, graduan merupakan entiti yang penting dalam menentukan masa hadapan sesebuah negara atau masyarakat. Justeru itu, masa depan negara mampu diterajui oleh para pelajar di IPT yang mempunyai kemahiran insaniah (*soft skill*) yang tinggi apabila melibatkan diri dalam aktiviti kokurikulum (Tinggi., 2006). Oleh kerana KI adalah kurikulum yang terhasil daripada institusi modal insan, maka KI turut disokong oleh pelbagai nilai dan ideologi. Justeru itu, pentingnya kurikulum akademik dapat menyokong integrasi KI supaya graduan dibentuk dan terlatih apabila mereka menyertai pasaran buruh kelak (Pereira, 2017).

Namun begitu, KI juga telah dikenalpasti sebagai kemahiran yang perlu dimiliki oleh setiap graduan dalam pasaran pekerjaan global (Mariappan, 2018). Tambahan pula, faktor yang paling signifikan dan menjadi penyumbang tertinggi terhadap kebolehpasaran graduan adalah KI. Dalam kajian Esa, A., & Mustafa, M. Z. (2010), mereka menyatakan bahawa penekanan aspek KI dalam kalangan pelajar perlu dipertingkatkan. Hal ini supaya dapat melahirkan modal insan kelas pertama yang mampu berdaya saing, tahan lasak dan fleksibel apabila berhadapan dengan pelbagai cabaran dalam pekerjaan. Quah (2018), juga menjelaskan antara elemen-elemen KI yang perlu ada pada

graduan ialah kemahiran kerja berpasukan, kemahiran memimpin, kemahiran komunikasi sama ada secara lisan dan penulisan, serta kemahiran berfikir secara kritis dalam menyelesaikan masalah. Hal ini, supaya dapat melahirkan graduan yang berdaya saing dan mempunyai ciri-ciri yang diinginkan dalam kebolehpasaran global juga antara cabaran yang perlu diambil perhatian oleh semua IPT.

Pelbagai kemahiran insaniah dapat diterapkan dalam diri pelajar diantaranya adalah kemahiran komunikasi. Sehubungan itu, kemahiran komunikasi juga adalah antara elemen kemahiran insaniah yang sering dikaitkan dengan kegagalan graduan untuk mendapat peluang pekerjaan yang bagus (Ngadiman, 2018). Penyataan ini disokong oleh Ismail (2011), dalam kajian Majlis Tindakan Ekonomi Negara – *Study on the unemployment situation in Malaysia 2003* yang menyatakan salah satu punca kegagalan para siswazah mendapat pekerjaan adalah kurangnya kemahiran dari segi komunikasi dan inter-personal. Oleh itu, kemahiran ini amat penting dalam pembelajaran pelajar bagi membolehkan mereka mudah berinteraksi dan bersaing untuk mendapat tempat di hati majikan atau industri nanti.

Kemahiran insaniah merupakan suatu kemahiran yang amat penting yang seharusnya perlu dikuasai oleh setiap pelajar pada masa kini. Terdapat tujuh kemahiran insaniah yang disenaraikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran berpasukan, kemahiran pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, kemahiran etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan (Salim, 2012). Menurut Pritchard et al., (2013), terdapat 10 kemahiran insaniah yang sering diketahui berkaitan dengan pekerjaan dalam bidang perniagaan dan teknologi komputer adalah komunikasi, kritikal dan membuat keputusan, interpersonal, perundingan, penyelesaian masalah, keyakinan diri, pengurusan diri, kerja berpasukan dan etika. Dalam kajian yang dilakukan oleh Williams (2015), secara langsung mempengaruhi perubahan sosial positif pelajar kolej dengan meningkatkan kualiti kemahiran insaniah untuk bakal pekerja mereka.

Di samping itu, masalah pengangguran juga masih berterusan sehingga kini, di mana menurut presiden Persatuan Undang-Undang Keselamatan Sosial dan Buruh Malaysia Datuk Dr Cyrus Das dalam laporan akbar oleh Siti Aisyah Ramli (2016), kajian sebelum ini mendapati bahawa salah satu faktor kegagalan graduan dalam mendapatkan pekerjaan selepas menamatkan pengajiannya adalah disebabkan oleh kurangnya pengetahuan, kemahiran insaniah termasuk interpersonal terutamanya dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, para majikan menganggap dan melihat KI sebagai sebuah kemahiran yang amat penting dan berharga bagi mereka. Menurut Schochler (2014), KI juga turut dikenali sebagai *emotional intelligence*.

Faktor utama yang menyumbang kepada kegagalan graduan dalam temuduga kerja adalah mereka tidak mempunyai personaliti, berkeyakinan, berkemampuan untuk berkomunikasi dengan baik dan keupayaan membuat keputusan dengan bijak. Hal ini kerana majikan amat memerlukan calon yang mempunyai *skill* dan *interpersonal* yang bagus. Namun begitu, aset paling utama yang diperlukan dalam industri di Malaysia adalah mahir di dalam kemahiran komputer, kemahiran komunikasi, menguasai selain dari Bahasa ibunda seperti (Bahasa Inggeris, Bahasa Mandarin, Bahasa Jepun), kemahiran interpersonal, fleksibel, mampu menyesuaikan diri dalam apa jua keadaan, berfikiran kritis, kemahiran kepimpinan, berkeyakinan dan kebolehan bekerja dalam pasukan (Henwood, R., 2006).

## KEMAHIRAN BERKOMUNIKASI

Perkataan komunikasi berasal daripada perkataan *comunicare* yang bermaksud perhubungan. Komunikasi juga boleh didefinisikan sebagai kemampuan seseorang itu untuk berinteraksi di antara satu sama lain mengikut persekitaran dan individu yang berbeza. (Yusof, 2003) penyampaian idea dan perasaan terhadap banyak pihak juga melibatkan komunikasi yang banyak. Sebagai seorang pelajar, komunikasi mereka hanya melibatkan interaksi bersama rakan, pensyarah dan masyarakat sekeliling sahaja. Namun begitu, komunikasi para graduan akan melibatkan pelbagai lapisan pengurusan dan masyarakat apabila mereka menceburi bidang pekerjaan. Ashari et al., (2010) turut merujuk komunikasi sebagai sebuah proses dua hala yang mengandungi proses mendengar dan tindak balas terhadap maklumat yang ingin disampaikan. Justeru itu, penguasaan sesuatu bahasa adalah penting dalam memastikan komunikasi yang berkesan.

Menurut kajian lepas Jasim (2019), kemahiran komunikasi dan menulis pelajar berada pada tahap yang rendah disamping memberi kesan terhadap pencapaian akademik mereka. Namun begitu, dapatan kajian Cronin et al. (2007) pula mendapat terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran komunikasi dengan pencapaian akademik pelajar. Kemahiran komunikasi meliputi kemahiran seperti bercakap, menulis, mendengar, membaca dan menilai (Yusop Ab. Hadi, 2010). Menurut Abdul Rahman (2010) dalam kajiannya menyatakan punca kegagalan seorang pelajar dalam pembelajarannya adalah kerana kurang kemampuan dalam berinteraksi secara positif. Sehubungan dengan itu, kemahiran komunikasi amat penting dalam interaksi sosial kerana ia memainkan peranan yang besar dalam kehidupan manusia. Komunikasi juga dapat memenuhi keperluan pelajar dalam proses pembelajaran dan persiapan ke dalam dunia pekerjaan yang seharusnya dikuasai oleh pelajar (Awang, 2014).

Seiring dengan arus globalisasi pada masa ini, kemahiran komunikasi telah menjadi satu aspek penting yang amat dititikberatkan oleh majikan. Oleh itu menjadi tanggungjawab institusi pendidikan untuk menyediakan bakal graduan mereka supaya memenuhi kebolehpasaran graduan. Manakala menurut kajian Nisreen Al-Khawaldeh (2016), di Universiti Jordan, kelemahan penguasaan bahasa Inggeris telah menyekat perkembangan diri ahli akademik di sana terhadap kemahiran berkomunikasi dalam pengendalian maklumat terutamanya bagi memahami, mentafsir dan menyampaikan maklumat, dalam proses pembelajaran mahupun pengajaran. Menurut Luna (2016), dalam kajiannya menyatakan antara faktor kegagalan graduan tidak mendapat pekerjaan terdiri daripada kalangan graduan adalah disebabkan oleh faktor personaliti yang lemah, kekurangan dalam kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran komunikasi dan penguasaan bahasa yang lemah. Menurut beliau juga terdapat kira-kira 40 peratus jumlah yang tidak bekerja di negara ini adalah terdiri daripada kalangan graduan baru.

Selain itu, menurut Sharifah Hana Abd Rahman (2015), menyatakan bahawa mempunyai penguasaan ilmu, sahsiah yang baik, dan mempunyai kemahiran generik seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran berfikir secara kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran bekerja secara berpasukan dan juga etika moral dan professional merupakan kriteria pekerja yang diperlukan oleh majikan secara umumnya. Selain itu, menurut Miaat (2014), mengatakan bahawa industri paling mengkehendaki kemahiran komunikasi kerana ianya merupakan kemahiran yang mempunyai nilai tertinggi dalam pasaran. Hal ini menjadikan komunikasi sebagai perkara asas dalam kepentingan sewaktu di alam pekerjaan kelak.

Manakala dapatan kajian yang dijalankan oleh Hassan Y. B., (2010), pula menunjukkan bahawa keyakinan pelajar dalam komunikasi dapat ditingkatkan melalui aktiviti secara berkumpulan, selain dapat membentuk komunikasi yang bagus dalam diri pelajar melalui kegiatan

yang disertai. Ini menunjukkan bahawa penguasaan kemahiran komunikasi amat penting dalam kalangan graduan selain itu dapat ditingkatkan sepanjang tempoh pengajian melalui aktiviti di dewan kuliah seperti pembentangan dan aktiviti secara berkumpulan. Oleh itu, IPT perlu memastikan bahawa graduan mereka mampu untuk berkomunikasi dengan baik dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran di dalam kuliah. Ini kerana kemahiran komunikasi tidak dapat dikuasai oleh seseorang itu dalam sekilip mata sahaja tetapi ia juga turut melibatkan aktiviti yang berterusan di dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di sepanjang tempoh pengajian mereka di IPT.

## **KEMAHIRAN PENYELESAIAN MASALAH**

Seterusnya adalah kemahiran penyelesaian masalah. A Jalil (2012), menyatakan kemahiran ini merupakan kemahiran yang memerlukan para pelajar bergerak secara aktif di dalam kumpulan seterusnya dapat menyelesaikan masalah secara berhati-hati. Oleh itu, kemahiran ini dapat ditimba oleh para pelajar ketika melibatkan diri dalam persatuan dan aktiviti kokurikulum yang dianjurkan oleh pihak IPT. Hal ini juga secara serentak dapat membangunkan kedua-dua strategi penyelesaian masalah. Selain itu, Buhari (2015), juga menjelaskan bahawa kemahiran bekerja dalam kumpulan merupakan kemahiran yang perlu dikuasai oleh setiap graduan. Hal ini untuk memastikan graduan mudah melibatkan diri apabila bekerja secara berpasukan sewaktu di tempat kerja seterusnya dapat meningkatkan tahap kebolehpasaran yang lebih tinggi bersesuaian dengan permintaan pasaran masa kini. Justeru itu, penguasaan kemahiran bekerja dalam kumpulan menerusi program kokurikulum secara tidak langsung akan memenuhi harapan pihak industri dan negara supaya dapat berdaya saing sehingga ke peringkat global.

Selaras dengan itu, segala permasalahan yang berlaku dalam proses pembelajaran ini akan menggalakkan usaha sesebuah IPT dalam mencapai kemajuan pelajar dengan lebih bagus pada masa akan datang. Ini berkait rapat dengan kepayahan graduan IPT termasuk di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) untuk mendapatkan pekerjaan sekiranya mereka tidak mempelajari dan menguasai kemahiran insaniah dengan sebaiknya. Menurut pengkaji, selain mempunyai minda yang cemerlang, kemahiran insaniah juga turut mempengaruhi pencapaian akademik pelajar KUIS.

## **KEMAHIRAN KEPIMPINAN DAN BEKERJA DALAM PASUKAN**

Kepimpinan menurut Moejiono (2002), merupakan ilmu terapan dari ilmu-ilmu sosial kerana prinsip-prinsip dan rumusannya diharapkan dapat mendatangkan manfaat bagi kesejahteraan manusia. Kepimpinan didefinisikan dengan cara yang berbeza-beza daripada pelbagai sudut. Kepimpinan merupakan proses mempengaruhi kegiatan kelompok yang diorganisasikan dalam usaha untuk menentukan tujuan dan pencapaian.

Kepemimpinan secara mudahnya boleh difahami sebagai satu bentuk usaha terancang mahupun tidak oleh seseorang untuk memandu arah pihak lain dalam mencapai sesuatu matlamat yang dikongsi bersama (Khairunneezam, 2011). Dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan kemahiran kepimpinan melalui sifat yang adil, berkongsi pendapat dan peranannya. Justeru itu, mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang bagus akan memberi kesan yang positif dalam diri pelajar seterusnya membentuk sebuah institusi yang cemerlang dan berkesan.

Kemahiran kepimpinan ialah kegiatan untuk mempengaruhi orang lain supaya dapat bekerjasama berdasarkan kemampuan seseorang untuk membimbing orang lain dalam mencapai tujuan-tujuan yang diinginkan oleh sesuatu kelompok. Dalam kajian Assain & Safar (2011) menyatakan bahawa para siswazah di IPT amat lemah dalam kemahiran komunikasi (bahasa Inggeris, berfikiran sempit, tiada ciri kepimpinan, semangat kekitaan. Rohanida Abd. Manaf dan Mohd Sofian Omar Fauzee (2002) Mohd Hamidi Abdul Hamid (2002) dalam kajiannya menyatakan kemahiran kepimpinan dapat dibangunkan melalui peranan aktiviti kurikulum yang dijalankan di IPT. Hasil daptan kajian beliau mendapati bahawa aktiviti kurikulum banyak menanam, memupuk aspek kepimpinan, sahsiah dan kemasyarakatan dalam kalangan pelajar.

Selain itu, dalam kajian Ahmad Esa, Kamarudin Khalid dan Sarebah Warman (2014) mendapati bahawa aktiviti kurikulum di IPT dapat menerapkan kemahiran kepimpinan yang lahir dari salah satu aktiviti persatuan yang diceburi oleh mereka. Dapatan kajian ini menyamai kajian yang dibuat oleh Fan (2010) iaitu aktiviti persatuan seni bella diri yang disertai oleh pelajar mampu memupuk kemahiran kepimpinan pelajar yang seterusnya dapat diaplikasikan ke dalam bidang pekerjaan kelak. Kurangnya kemahiran dalam mewujudkan interaksi yang positif dan efektif terhadap persekitaran membawa punca kepada kegagalan seseorang dalam pekerjaannya (Abdul Rahman, 2010).

Kepimpinan seorang pemimpin juga adalah dimana seseorang yang bijak dalam membuat sesuatu keputusan dan keputusan yang dibuat akan mendapat sokongan dalam setiap pasukan mahupun organisasi itu. Pernyataan ini disokong dalam kajian Intan Maizura Abdul Rashid et al. (2016), di mana sebahagian daripada kejayaan di dalam sesbuah institusi mahupun organisasi itu adalah melalui keputusan dan strategi yang dirancang dengan baik. Sehubungan dengan itu, berdasarkan kajian Ding (2016), *narcissism* dan merendah diri adalah sifat-sifat lahir dalam diri seorang pemimpin serta mendorong mereka untuk memimpin sesbuah organisasi ataupun institusi. Disusuli dengan kajian yang dijalankan oleh Kiarie (2017), personaliti dan ciri-ciri yang lahir pada seorang pemimpin boleh dilihat melalui sifatnya yang sikit Sebagai contoh, secara sukarela untuk membantu antara satu sama lain, bersedia, benar-benar mempunyai sifat prihatin, jujur, memberi inspirasi, bersifat kompeten, mempunyai matlamat dan juga bijaksana.

Manakala kemahiran kerja berpasukan atau berkumpulan adalah melibatkan kebolehan untuk bekerjasama dengan orang lain daripada pelbagai latar belakang sosiobudaya bagi mencapai matlamat yang sama. Namun begitu, kemahiran ini juga menggalakkan pelajar untuk bekerjasama dengan orang lain dalam menyelesaikan sesuatu tugas yang diberikan. Menurut Mohd Hasimi Yaacob (2012), bagi melaksanakan sesuatu tugas yang diberikan, bekerja dalam kumpulan dapat memberi galakan kepada individu untuk bekerjasama dengan individu yang lain. Melalui kerja berpasukan, ia turut melibatkan gabungan usaha, pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang dapat menghasilkan prestasi kerja yang lebih tinggi berbanding jika dilakukan secara bersendirian.

Manakal menurut Din (2012), menyatakan bahawa bekerja secara berpasukan dapat membantu seseorang individu itu untuk meningkatkan kemahiran diri seperti kebolehan berkomunikasi, penampilan diri dan meningkatkan keyakinan diri. Selain itu, hasil kajian oleh Mohd Fadzli Ali (2007), pula mendapati bahawa melalui perbincangan dalam kumpulan, ianya dapat meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar dan menjadikan perbincangan mereka lebih bagus dan efektif. Pendapat ini disokong oleh Masud (2013), yang mengatakan bahawa pelajar dapat mengukuhkan kepercayaan dalam ahli kumpulan sekiranya dapat berkomunikasi dengan baik bersama rakan berlainan bangsa, memperbaiki komunikasi dengan rakan sekelas sewaktu bekerja secara berpasukan.

Kemahiran ini juga turut menggabungkan kekuatan mental, fizikal dan emosi individu yang boleh memberi kesan kepada kumpulannya. Oleh itu, para pelajar perlu melengkapkan diri mereka dengan kemahiran bekerja dalam kumpulan sama ada kumpulan kecil mahupun besar untuk mempersiapkan diri mereka apabila menjelaki ke alam pekerjaan kelak. Disamping itu, masalah pembaziran tenaga dapat dikurangkan dengan mempunyai kerja berkumpulan yang baik sekaligus dapat meningkatkan semangat dan gaya motivasi dalam kalangan pelajar (Ngadiman, 2018). Selain itu Dora et.al (2008) dalam kajiannya menyatakan bahawa kerja berpasukan adalah pengagihan tugas di mana setiap ahli pasukan mempunyai peranan tersendiri bagi melaksanakan sesuatu matlamat kerja tersebut. Disamping itu, setiap ahli mempunyai kekuatan yang tersendiri dan mereka saling lengkap melengkapi antara satu sama lain.

Bagi melahirkan pelajar yang mempunyai kemahiran kerja berpasukan ini, IPT harus mengorak langkah bagi mempelbagaikan aktiviti semasa menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana, melalui aktiviti di dalam dan di luar bilik kuliah sekaligus dapat memupuk semangat dan kemahiran bekerja secara berpasukan dalam kalangan pelajar. Menurut (al., 2011), di dalam sektor pekerjaan, elemen kerja berpasukan adalah suatu keperluan yang kritikal dan sangat di perlukan dalam pasaran sekarang. Sehubungan dengan itu, melalui kerja berpasukan, ia akan melibatkan gabungan usaha, pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang dapat menghasilkan prestasi kerja secara berkumpulan yang lebih tinggi berbanding jika dilakukan secara bersendirian. Justeru itu, bekerja dalam kumpulan dapat menggilap semangat pelajar untuk terus bekerja secara berpasukan kerana kerja yang diberikan dapat diselesaikan dengan mudah dan pantas di atas kerjasama yang diberikan oleh setiap ahli kumpulan.

Dalam konteks kajian, kemahiran bekerja dalam kumpulan atau boleh juga dikenali sebagai kerja berpasukan yang melibatkan kerjasama antara individu daripada pelbagai latar belakang sosiobudaya (Siti Halijah Ngadiman & Mohd Faizal Jamaludin, 2018). Tambahan pula, kemahiran ini juga dapat mencapai matlamat yang sama di dalam organisasi mahupun di Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Namun begitu, menurut Dora, Kudus & Hassan (2008), bagi mencapai matlamat yang sama dalam kumpulan, setiap individu perlu bekerjasama berganding bahu dan sama-sama bergabung antara satu sama lain. Justeru itu, dalam kajian ini menyebut kemahiran ini sebagai kemahiran yang amat penting dalam diri pelajar supaya dapat menyesuaikan diri dalam bekerja secara berpasukan dan menjadikan kerja mereka lebih efektif. Pengkaji memfokuskan kemahiran bekerja dalam kumpulan ini dari segi interaksi, peranan dan sumbangan kepada perancangan kumpulan.

## **KESIMPULAN**

Kemahiran insaniah yang berjaya dikuasai oleh pelajar merupakan satu aset yang amat bernilai untuk mereka lebih kompetitif sama ada ketika memohon pekerjaan atau setelah memegang status pekerja. Apa yang dirasakan amat malang adalah apabila aspek tersebut kurang diberi penekanan atau disedari samada oleh pelajar atau pendidik sendiri dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia.

Justeru itu peranan yang berkesan dari semua pihak yang bertanggungjawab seharusnya diperkasakan lagi dalam memastikan pelajar pada hari ini diterapkan secukupnya dengan kemahiran insaniah. Ini bagi memastikan aset negara yang berupa modal insan pada masa akan datang dilengkapi dengan kebolehan memimpin yang utuh kerana mereka yang bakal meneraju arah tuju negara kelak.

## Rujukan

- Abdullah, A. M. (2006). *Faktor-faktor Yang Menyumbang kepada Kecemerlangan Akademik Pelajar di Universiti Teknologi Malaysia*.
- A Jalil, N. A. (2012). Pembangunan kemahiran menyelesaikan masalah menerusi aktiviti kurikulum khidmat masyarakat dalam kalangan pelajar UTHM . (*Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*).
- Azman, A. H. (2017). Penggunaan Kemahiran Insaniah (KI) Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin (PSMZA).
- Anuar, A. A. (2010). Penerapan Kemahiran Insaniah di Pusat Giat MARA (PGM). *Satu Analisis Perbandingan*” dalam A. Esa & MZ Mustafa [eds]. *Kemahiran Insaniah: Kajian di Institusi-institusi Pengajian*. Batu Pahat, Johor: Penerbit UTHM [Universiti Tun Hussein Onn Malaysia], ms, 1-19.
- Awang, N. S. (2014). Tahap Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA di Utara Semenanjung Malaysia. Fakulti Pendidikan, UKM.
- Al., Z. e. (2011). *Peningkatan tahap perkembangan kemahiran insaniah mentor melalui ‘microcontroller school mentoring project’*. Universiti Kebangsaan Malaysia. Retrieved from dicapai pada April 3, 2014, dari <http://www.ukm.my/p3k/images/sppb11/47.pdf>
- Buhari, A. (2015). Pembangunan kemahiran kerja berpasukan menerusi kurikulum sukan hoki dalam kalangan pelajar UTHM . (*Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*).
- Dev, M. (2016). *Factors Affecting the Academic Achievement: A Study of Elementary School Students of NCR Delhi, India*. *Journal of Education and Practice*, 7(4), 70-74.
- Ding, R. Z. (2016). Narcissism and adolescents' prosocial behaviors: the role of public and private situations. . *Acta Psychologica Sinica*, 48(8), 981-988.
- Din, W. J. (2012). Membudayakan Kerja Berpasukan. . *Utusan Malaysia*.
- Esa, A. Y. (2011). The implementation of generic skills at technical schools: . *Comparative analysis in different platform*. *Journal of Techno Social*, 3(2).
- Esa, A., Padil, S., & Selamat, A. . (2013). *Kemahiran Insaniah dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran pada Program Kejuruteraan di Politeknik Malaysia*. ATIKAN, 3(2).
- Esa, A. &. (2010). *Penerapan Kemahiran Insaniah di Pusat Giat MARA (PGM): Satu Analisis Perbandingan*” dalam A. Esa & MZ Mustafa [eds]. *Kemahiran Insaniah: Kajian di Institusi-institusi Pengajian*. Batu Pahat, Johor: Penerbit UTHM (Universiti Tun Hussein Onn Malaysia)
- Farooq, M. S. (2011). *Factors affecting students' quality of academic performance: a case of secondary school level*. *Journal of quality and technology management*, 7(2), 1-14.
- Holmes, B. (2014). “Hone the Top 5 Soft Skills Every College Student Needs : Develop collaboration, leadership and communication skills during high school to succeed in college and beyond,” Varsity Tutors, 2014.
- Hassan, Y. B. (2010). *Kemahiran Komunikasi dalam Meningkatkan Keyakinan Diri Pelajar: Satu Tinjauan di Kalangan Ahli Jawatankuasa Kolej Mahasiswa*, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail, N. A. (2011). Graduates' characteristics and unemployment: A study among Malaysian graduates. *International journal of business and social science*, 2(16).

Jasim, B. J. (2019). Evaluation of Students' Communication Skills and Academic Performance in the University of Baghdad. *Iraqi National Journal of Nursing Specialties*, 32(2), 1-10.

Jabatan Perdana Menteri. 2011. *Economic transformation programme: A roadmap for Malaysia*

Kementerian Pengajian Tinggi. 2007. *Pelan strategik pengajian tinggi Negara*. Putrajaya: Jabatan Pengajian Tinggi.

Kementerian Pelajaran Malaysia. 2006. Pelan induk pembangunan pendidikan 2006-2010. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

Luna, S. M. ((2016)). *40 Peratus Penganggur di Malaysia Graduan Baharu*. *Borneo Post online*. Retrieved from Dimuat turun pada 2 Februari, 2017 dari <http://www.theborneopost.com/2016/03/10/40-peratus-penganggur-di-malaysia-graduanbaharu/>.

Mariappan, U. V. (2018). Pembinaan dan Pengesahan Instrumen Kemahiran Insaniah Bagi Subjek Perakaunan Di Matrikulasi. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 6(4), 29-39.

Miaat, E. A. (2014). Faktor Yang Mendorong Kecenderungan Pelajar Kolej Vokasional ke Arah Bidang Keusahawanan. Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional, UTHM.

Mohd Hasimi Yaacob, M. H. (2012). Hubungan Penggunaan Bahasa Inggeris dengan Tahap Keberkesanan Kemahiran Insaniah Pelajar di Universiti Kebangsaan Malaysia . *Jurnal Personalia Pelajar* 20(1):67-77.

Mohd Fadzli Ali, N. S. (2007). *Mengkaji Hubungan Di Antara Pembelajaran Koperatif (Kemahiran Generik) dengan Kemahiran Menggunakan EPembelajaran di Kalangan Pelajar Yang Mengambil Subjek Telekomunikasi dan Rangkaian di Fakulti Pendidikan, UTM, Skudai, Johor*. Retrieved from Dimuat turun pada 20 Mac, 2017, dari <http://eprints.utm.my/6005/> .

Masud, M. A. (2013). Pembangunan Kemahiran Kerja Berpasukan Menerusi Kursus Pengurusan Kokurikulum dalam Kalangan Pelajar Sarjana, Pendidikan Teknik dan Vokasional UTHM. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia. .

Malaysia. 2016. Rancangan Malaysia Kesepuluh 2016-2020. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Bhd.

Ministry of Higher Education. (2012b). *The national graduate employability blueprint 2012-2017*. Ministry of Higher Education Malaysia.

Narad, A. &. (2016). *Academic performance of senior secondary school students: Influence of parental encouragement and school environment*. *Rupkatha Journal on Interdisciplinary Studies in Humanities Special Issue*, 3(2), 12-19.

Nachiappan, S. K. (2009). Pembelajaran dan perkembangan pelajar. *Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.*

Ngadiman. (2018). *Hubungan di antara Kemahiran Kerja Berpasukan dan Kemahiran Komunikasi dalam Kalangan Pelajar Semesta Akhir Politeknik (The Relationship Between Teamwork Skills and Communication Skills Among Polytechnic's Final*.

Nisreen Al-Khawaldeh, B. B.-K.-E. (2016). The Impact of Poor English Language Proficiency on Professional Development of Professors at Jordanian Universities. *Arab World English Journal* 7(3): 134- 145.

Pereira, O. a. (2017). The importance of Soft Skills in The University AcademicCurriculum: The Perceptions of The Students in The NewSociety of Knowledge. *International Journal of Business and Social Research(IJBSR):Vol 07, issue 03* (25-34).

- Pua, P. K. (2014). *Tahap kemahiran insaniah dalam kalangan pelajar kejuruteraan tahun akhir di Politeknik KPM (Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia).*
- Quah. (2018). Penerapan kemahiran insaniah menerusi sukan Petanque dalam kalangan pemain di Ipta dan Ipts. *Jurnal Sains Sukan & Pendidikan Jasmani*, 7(2), 12-21.
- Salim, N. Z. (2012). Hubungan di antara gaya pembelajaran dan kemahiran insaniah dengan pencapaian akademik pelajar. (*Doctoral dissertation, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*).
- Schochler, S. A. (2014). Soft Skills Assessment for Secondary Students Texas : University of North Texas,.
- Sharifah Hana Abd Rahman, Z. Y. (2015). Faktor-Faktor Kepuasan Majikan Terhadap Pelajar Latihan Industri di Institut Pengajian Tinggi (IPT): . *Satu Sorotan. Jabatan Undang-undang, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) Selangor.*
- Tinggi., K. P. (2006). Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills). *Jurnal Personalia Pelajar 15 (2012)*: 45-50.
- Williams, A. (2015). Retrieved from Soft Skills Perceived by Students and Employers as Relevant Employability Skills. Walden University.: Available online at: <http://scholarworks.waldenu.edu/cgi/viewcontent.cgi?article=2426&context=dissertations>
- Yassin, S. H. (2008). Implementation of generic skills in the curriculum.
- Yusof, A. A. (2003). Mengurus Pasukan Kerja Prestasi Tinggi. Selangor Prentice Hall Pearson Malaysia Sdn.Bhd.